

Petani juga boleh jadi kaya, kata PM

BM - 7 AUG 1988

Oleh MOHD NOH SENAN

MELAKA, Sabtu — Petani, penternak dan nelayan boleh menjadi golongan yang kaya dan mempunyai kedudukan tinggi dalam masyarakat jika mereka sanggup serta rajin berusaha di samping mengubah sikap daripada menggunakan amalan tradisional kepada cara moden.

Perdana Menteri berkata, peladang dan penternak jangan hanya menternak atau mengeluarkan hasil pertanian cukup untuk keperluan keluarga dan dijual di kampung serta bandar berdekatan.

“Kegiatan menternak satu atau dua ekor lembu atau bercucuk tanam untuk menampung keperluan keluarga seperti dulu perlu diubah dengan mengusahakannya secara besar-besaran,” kata Perdana Menteri ketika melancarkan perayaan Hari Nelayan, Peladang dan Penternak peringkat kebangsaan di Ayer Kroh, di sini hari ini.

Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah; Menteri Pertanian, Datuk Seri Sa-

nusi Junid dan Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat adalah antara lebih 5,000 orang yang hadir.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata golongan itu perlu meningkatkan usaha agar mereka dapat membekalkan bahan makanan untuk keperluan semakin meningkat berikutan penduduk bertambah.

“Bilangan penduduk negara ini sekarang ialah kira-kira 16 juta orang dan akan meningkat 70 juta menjelang tahun 2,000. Oleh itu, peladang dan penternak perlu meningkatkan usaha mengeluarkan bahan makanan secara besar-besaran untuk menampung keperluan itu,” katanya.

Menurut Perdana Menteri, tanah di negara ini subur dan penduduk boleh bercucuk tanam dengan mudah di mana-mana

sahaja. Oleh itu, tidak harus timbul soal kemiskinan di kalangan mereka.

Katanya, agensi kerajaan sentiasa membuat penyelidikan untuk meningkatkan pengeluaran hasil makanan dan sejenis ternakan baru iaitu ‘puyam’, kacukan burung punai berjaya dijalankan oleh Jabatan Haiwan.

Beliau berkata ini adalah antara pelbagai usaha yang dijalankan oleh kerajaan bagi membolehkan golongan terbabit meningkatkan pendapatan.

Sempena majlis itu, Haji Yaakob Abas, dari Kuantan dan Puan Zaharah Bakar, juga dari Kuantan diumumkan Peladang Jaya Lelaki dan Wanita tahun ini.

Encik Abdul Ghani Muda dari Kemaman, Terengganu dipilih sebagai Penternak Jaya bukan ruminan manakala bagi Penternak Jaya ruminan dimenangi oleh Haji Yaakop Talib dari Masjid Tanah, Melaka.